

03 DEC 1998

Baucus

AS HARUS BERI PERHATIAN LEBIH KEPADA ASEAN, KATA SENATOR

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 3 Dis (Bernama) -- Amerika Syarikat harus memberi perhatian yang lebih kepada Asean kerana beberapa negara dalam pertubuhan itu yang dilanda krisis kewangan berhempas-pulas untuk memulihkan ekonominya, kata Senator Max Baucus di sini pada Rabu.

"Kita telah melakukan apa yang patut di rantau itu tetapi belum cukup berkesan," kata Baucus yang mengikuti Naib Presiden Al Gore ke Kuala Lumpur bagi mesyuarat para pemimpin Apec dan mengiringi Presiden Bill Clinton dalam lawatan ke Jepun dan Korea Selatan bulan lalu.

"Sesetengah negara di rantau ini berpendapat rantau itu dipencilkan dan Washington terlalu memberi tumpuan kepada China dan Jepun," kata Baucus pada majlis makan tengah hari bagi aeksekutif kanan perniagaan di rantau itu.

Baucus, (Demokrat-Montana) merupakan anggota kanan dalam jkawatankuasa Pertanian Senat dan dianggap sebagai seorang yang arif dalam perdagangan.

Beliau kesal kerana anggota-anggota Kongres tidak memperuntukkan masa yang cukup untuk menangani masalah ekonomi antarabangsa.

Beliau berkata rakyat Amerika sekarang merasi kesan krisis itu berikutan kemerosotan eksport gandum, pulpa, jentera dan produk yang dihasilkan oleh Boeing.

Kemudian, ketika ditanya mengenai kenyataan Gore mengenai pergerakan reformasi di rantau itu pada persidang kemuncak Ap[ec, Baucus berkata Amerika harus bersuara bagi mempertahankan nilai-nilai asas kemanusiaan. "Tindakan Amerika yang diambil kira bukan perkataan."

"Saya menemui beberapa rakyat Malaysia di sana yang berkata bahawa isu Mahathir-Anwar ialah isu dalaman. Kami mengambil kira sensitiviti masyarakat tempatan."

Pada majlis itu, Presiden Majlis Perniagaan Amerika-Asean, Ernie Bower melahirkan kesal tentang kurangnya kepimpinan Amerika pada mesyuarat Apec di Kuala Lumpur.

Apec sepatutnya menjadi momentum bagi Asia untuk melepaskan diri daripada krisis itu dan Asia menoleh kepada model Barat yang diketuai oleh Amerika tetapi sebaliknya kita memperkuatkan model Jepun dan tidak memperkukuhkan kepimpinan Amerika," kata Bower.

Majlis Perniagaan Amerika-Asean mempromosikan perdagangabn dan pelaburan di rantau itu. Ia mempunyai 400 anggota korporat. Sekurang-kurangnya 200 ahli perniagaan Amerika menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur tahun ini.

-- BERNAMA

SH ABG FAZ